

Malaysia, Bangla tanda tangani dua perjanjian

Oleh AZIZ HASSAN

DHAKA, Selasa — Malaysia dan Bangladesh hari ini menandatangani dua perjanjian — satu mengenai perkapalan dan satu lagi mengenai pengelakan cukai dua kali — bertujuan menyedikan pengangkutan laut yang lebih baik dan meningkatkan pelaburan serta jumlah dagangan.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, mewakili Malaysia dan rakan sejawatnya, Encik A.R.S. Doha, bagi pihak Bangladesh, menandatangani perjanjian itu dengan disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Lt. Jen. H.M. Ershad, Ketua Pemerintah Undang-undang Tentera, di Istana Presiden di sini.

Sebelum itu, Perdana Menteri dan Lt. Jen. Ershad mengadakan perbincangan ringkas diikuti dengan persidangan yang turut dihadiri oleh Menteri Luar kedua-dua negara.

Dalam perbincangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu jumlah dagangan antara kedua negara dipertingkatkan kerana beliau berpendapat banyak bidang yang boleh disertai bersama.

Berkesan

Beliau menjelaskan, Malaysia sedia membeli lebih banyak barangan Bangladesh dan mahu negara itu turut membeli lebih banyak barangan Malaysia.

Perdana Menteri juga menekankan perlunya dialog Selatan-Selatan dipergiatkan, berbanding dengan dialog Utara-Selatan yang kurang berkesan kepada negara-negara membangun.

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sejak 1980, Malaysia memulakan rancangan kerjasama teknikalnya sendiri, dan dalam rangka kerja inilah ia hari ini menawarkan bantuan-bantuan perlu kepada Bangladesh.

Mengenai bidang-bidang kerjasama dan bantuan yang boleh dipertingkatkan, kedua pihak bersetuju ia boleh dikenalpasti melalui rundingan lanjut.

Bagi menekankan lagi hasrat Malaysia membuka lebih banyak peluang kerjasama dagangan, Perdana Menteri memberitahu Lt. Jen. Ershad bahawa rombongannya turut disertai oleh lapan orang wakil dari sektor swasta.

Perwakilan swasta itu diketuai oleh Pengerusi Bank Bumiputera, Dr Nawawi Mat Awlin dan terdiri dari Pengurus Besar Kanan Bahagian Antarabangsa, Bank Bumiputera, Dr Rais Saniman, dua wakil dari Malaysia Overseas Investment Corporation dan ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyatakan penghargaannya kepada Kerajaan Bangladesh kerana menawarkan peluang pelajaran kepada kira-kira 70 penuntut Malaysia di negara ini.